KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	20.09.23	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JMG			

Harian Metro | Selasa 20.09.2022 @hmetromy



SEDUTAN video menunjukkan gunung berapi lumpur meletus di Taman Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu.

Oleh Izwan Abdullah
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Gempar lumpur membuak-buak

Pakar geologi sifatkan letusan gunung berapi lumpur di Lahad Datu sebagai fenomena biasa

Pengguna media sosial tempatan gempar dengan perkongsian video gunung berapi lumpur yang berlaku di Taman Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu, kelmarin.

Fenomena yang jarang berlaku itu dikongsi individu yang dipercayai berada di kawasan berkenaan ketika ia 'meletus' dan memuntahkan sejumlah besar lumpur.

Ada pengguna melihat perkongsian di Facebook itu mengaitkannya dengan gempa bumi kini dianggap biasa di Sabah terutama selepas gempa bumi sederhana bermagnitud 5.9 skala Richter berpusat di Gunung Kinabalu pada 2015.

Pakar geologi Sabah, Prof Dr Felix Tongkul berkata, fenomena letusan gunung berapi lumpur itu berlaku apabila tekanan lumpur dalam bumi meningkat dan perlu dilepaskan.

"Keadaan ini berulang apabila tekanan terkumpul pada sesuatu masa tertentu. Kejadian *volcano* lumpur seperti ini (lebih aktif) kadang-kadang berlaku semasa kejadian gempa bumi," katanya ringkas ketika dihubungi.

Difahamkan selain Tabin, fenomena itu yang dianggap biasa, boleh ditemui di daerah lain antaranya di lokasi popular seperti di Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu.

Pulau Tiga yang kini menjadi tarikan pelancongan di Sabah dikatakan terbentuk hasil daripada letusan gunung berapi lumpur pada 1897 susulan daripada gempa bumi di Mindanao, selatan Filipina.